

BAB EMPAT

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini pula akan menjelaskan tentang bagaimana data yang telah dikumpul itu dianalisis berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang telah ditetapkan.

Data yang diperolehi telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

Bahagian A: Mengandungi data tentang kata ganti nama diri yang diperolehi melalui ujian.

Bahagian B: Mengandungi data tentang sikap, motivasi, strategi dan masalah yang diperolehi melalui soal selidik.

Data dari bahagian A akan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu analisis peratus kesalahan dan analisis bentuk-bentuk kesalahan. Setiap bahagian tersebut akan dipecahkan pula kepada beberapa sub bahagian seperti berikut:

i. Analisis Peratus Kesalahan

Analisis peratus kesalahan merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:

1. Peratus kesalahan pelajar secara keseluruhan
2. Peratus kesalahan individu
3. Peratus kesalahan pelajar bagi tiap-tiap kategori.

Data yang dipungut akan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta, peratus dan bilangan yang tepat.

ii. Analisis Bentuk-Bentuk Kesalahan

Untuk menganalisis bentuk-bentuk kesalahan, penulis menumpukan kepada hal-hal yang seperti berikut:

1. Kesalahan padanan kata ganti nama refleksif dengan subjek.
2. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan objek langsung yang dirujuk.
3. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan objek tidak langsung yang dirujuk.

4. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan bilangan subjek yang dirujuk.
5. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan genus subjek yang dirujuk.
6. Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek langsung.
7. Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung.
8. Kesalahan posisi kata ganti nama refleksif.
9. Kesalahan susunan bagi kata ganti nama diri objek langsung, objek tidak langsung dan kata ganti nama refleksif dalam satu ayat.
10. Kesalahan pengguguran kata ganti nama diri objek langsung.
11. Kesalahan pengguguran kata ganti nama diri objek tidak langsung.
12. Kesalahan pengguguran kata ganti nama refleksif.
13. Kesalahan penambahan kata ganti nama diri objek langsung.
14. Kesalahan penambahan kata ganti nama diri objek tidak langsung.
15. Kesalahan penambahan kata ganti nama refleksif.

4.1 Analisis Peratus Kesalahan

Ringkasan peratus dan jumlah kekerapan kesalahan kata ganti nama diri dan jenis-jenisnya secara keseluruhan ditunjukkan dalam jadual 4.1.

Manakala ringkasan peratus dan jumlah kekerapan kesalahan kata ganti nama diri bagi individu pula ditunjukkan dalam jadual 4.2. Ringkasan peratus dan jumlah kekerapan kesalahan kata ganti nama diri bagi tiap-tiap kategori pula ditunjukkan dalam jadual 4.3, jadual 4.4, jadual 4.5, jadual 4.6 dan jadual 4.7. Di samping itu, penyelidik juga meringkaskan data-data yang diperolehi ke dalam bentuk carta seperti yang ditunjukkan dalam carta 1 hingga 7.

Berdasarkan jawapan dalam ujian, penyelidik mendapati bahawa sebanyak 918 kata ganti nama diri telah digunakan oleh pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar telah melakukan sebanyak 459 kesalahan atau 50%, iaitu separuh daripada jumlah kata ganti nama diri yang digunakan.

4.1.1 Peratus Kesalahan Pelajar Secara Keseluruhan


Jadual 4.1 menunjukkan bahawa peratus kesalahan jenis padanan adalah yang paling tinggi, diikuti oleh pengguguran, posisi, susunan dan penambahan. Secara keseluruhannya, peratus kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar ialah 50% atau sebanyak 459 kesalahan dari sejumlah 918 kata ganti nama diri yang telah digunakan.

Jadual 4.1 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Secara Keseluruhan

Jenis-jenis kesalahan	Kekerapan Kesalahan	Peratus kesalahan
Salah padan	271	59%
Pengguguran	80	17.40%
Posisi	70	15.20%
Susunan	27	6%
Penambahan	11	2.40%
Jumlah	459	100%

Peratus kesalahan pelajar secara keseluruhan = $(459 / 918) \times 100 = 50\%$

Carta 4.1: Kekerapan Kesalahan Pelajar Secara Keseluruhan



4.1.2 Peratus Kesalahan Individu

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa peratus kesalahan yang dilakukan oleh pelajar 9 (P9) adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 73%; diikuti oleh pelajar 1 (P1), pelajar 6 (P6), pelajar 2 (P2), pelajar 11 (P11) di mana P2 dan P11 sama banyak, pelajar 8 (P8), pelajar 3 (P3), pelajar 5 (P5), pelajar 7 (P7) di mana P5 dan P7 sama banyak, pelajar 10 (P10) dan pelajar 4 (P4). Sebanyak 45.45% iaitu 5 daripada 11 orang pelajar telah melakukan kesalahan melebihi 50%.

Jumlah pelajar yang telah melakukan kesalahan kurang daripada 50% pula adalah sebanyak 45.45%. Manakala 9.10% iaitu seorang pelajar telah melakukan kesalahan sebanyak 50%.


Jadual 4.2 juga menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan jenis padanan adalah yang paling tinggi dilakukan oleh P9, manakala kekerapan kesalahan terendah dalam kategori serupa dilakukan oleh P11. Kekerapan kesalahan jenis posisi adalah paling tinggi dilakukan oleh P6, manakala kekerapan kesalahan terendah dilakukan oleh P2. Kekerapan kesalahan jenis susunan paling tinggi dilakukan oleh P2, P3 dan P6. Manakala kekerapan kesalahan terendah dilakukan oleh P1, P4, P5 dan P8. Kekerapan kesalahan jenis pengguguran paling tinggi dilakukan oleh P11, manakala kekerapan kesalahan terendah dilakukan oleh P10. Kekerapan kesalahan jenis

penambahan pula paling tinggi dilakukan oleh P2 manakala kekerapan kesalahan terendah dilakukan oleh P1, P3, P4, P5, P7 dan P9.

Jadual 4.2 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Individu

Sampel	Jumlah Kata Ganti Nama Diri yang Digunakan	Kekerapan Kesalahan						Peratus Kesalahan (%)
		PA	PO	S	PE	PB	Jumlah	
P1	76	29	5	1	16	0	51	67
P2	67	30	0	5	1	6	42	63
P3	94	21	5	5	8	0	39	41
P4	76	13	8	1	2	0	24	32
P5	76	32	4	1	1	0	38	50
P6	94	26	12	5	1	2	46	49
P7	94	20	9	4	5	0	38	40
P8	73	25	6	1	8	1	41	56
P9	94	45	6	1	17	0	69	73
P10	94	18	8	2	0	1	29	31
P11	80	12	7	1	21	1	42	53
Jumlah	918	271	70	27	80	11	459	50
Purata	83.45	24.64	6.40	2.45	7.22	1	41.72	

Carta 4.2:Peratus Kesalahan Mengikut Individu



4.1.3 Peratus Kesalahan Pelajar bagi Tiap-Tiap Kategori

Lima kategori kesalahan yang diteliti ialah kesalahan padanan, posisi, susunan, pengguguran dan penambahan. Di bawah ini akan dikemukakan analisis peratus kesalahan bagi tiap-tiap kategori, satu persatu.

4.1.3.1 Kategori Padanan


Peratus kesalahan jenis padanan adalah paling tinggi iaitu sebanyak 271 kesalahan atau 59%. Penyelidik telah membahagikan kesalahan padanan kepada 5 jenis iaitu padanan kata ganti nama diri dengan subjek refleksif (PA1), padanan kata ganti nama diri dengan objek langsung (PA2), padanan kata ganti nama diri dengan bilangan (PA4) dan padanan kata ganti nama diri dengan genus (PA5).

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa peratus kesalahan padanan jenis PA5 adalah paling tinggi iaitu sebanyak 73 kesalahan atau 27%; diikuti oleh PA2 iaitu sebanyak 65 kesalahan atau 24%, PA4 iaitu sebanyak 53 kesalahan atau 20%, PA3 iaitu sebanyak 49 kesalahan atau 18% dan PA1 iaitu sebanyak 31 kesalahan atau 11%.

Jadual 4.3: Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Padanan

Kesalahan Padanan	Kekerapan Kesalahan	Peratus Kesalahan (%)
Salah padan genus (PA5)	73	27%
Salah padan kata ganti nama diri dengan objek langsung. (PA2)	65	24%
Salah padan bilangan (PA4)	53	20%
Salah padan kata ganti nama diri dengan objek tidak langsung. (PA3)	49	18%
Salah padan kata ganti nama diri dengan subjek yang dirujuk. (PA1)	31	11%
Jumlah	271	100%

Carta 4.3: Peratus dan Kekerapan Kesalahan Padanan



4.1.3.2 Kategori Pengguguran


Peratus kesalahan jenis pengguguran adalah yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 80 kesalahan atau 17.40%. Penyelidik telah membahagikan kesalahan pengguguran kepada tiga jenis yang utama iaitu; pengguguran kata ganti nama diri objek langsung (PE1), pengguguran kata ganti nama diri objek tidak langsung (PE2) dan pengguguran kata ganti nama refleksif (PE3).

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa peratus kesalahan pengguguran jenis PE1 adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 34 kesalahan atau 42.5%; diikuti oleh PE3 iaitu sebanyak 25 kesalahan atau 31.25% dan PE2 iaitu sebanyak 21 kesalahan atau 26.25%.

Jadual 4.4 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Pengguguran

Jenis-Jenis Pengguguran	Kekerapan Kesalahan	Peratus Kesalahan
Pengguguran kata ganti nama diri objek langsung (PE1)	34	42.5%
Pengguguran kata ganti nama refleksif (PE3)	25	31.25%
Pengguguran kata ganti nama diri objek tidak langsung (PE2)	21	26.25%
Jumlah	80	100%

Carta 4.4: Peratus dan Kekerapan Kesalahan Pengguguran




4.1.3.3 Kategori Posisi

Peratus kesalahan jenis posisi adalah yang ketiga tertinggi iaitu sebanyak 70 kesalahan atau 15.20%. Penyelidik telah membahagikan kesalahan posisi kepada 3 jenis iaitu; Posisi kata ganti nama diri objek langsung (PO1), posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung (PO2) dan posisi kata ganti nama refleksif (PO3). Jadual 4.5 menunjukkan bahawa peratus kesalahan jenis PO3 adalah paling tinggi iaitu sebanyak 34 kesalahan atau 48.60%, diikuti oleh PO2 iaitu sebanyak 30 kesalahan atau 42.80% dan PO1 iaitu sebanyak 6 kesalahan atau 8.60%.

Jadual 4.5 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Posisi

Kesalahan Posisi	Kekerapan Kesalahan	Peratus Kesalahan (%)
Kesalahan posisi kata ganti nama refleksif (PO3)	34	48.60%
Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung (PO2)	30	42.80%
Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek langsung. (PO1)	6	8.6%
Jumlah	70	100%

Carta 4.5 Peratus dan Kekerapan Kesalahan Posisi




4.1.3.4 Kategori Susunan

Kesalahan susunan tidak mempunyai kategori kerana pada hemat penyelidik ia tidak perlu. Jadual 4.6 menunjukkan bahawa peratus kesalahan jenis susunan adalah sebanyak 6% iaitu yang kedua terendah daripada 5 kategori yang diteliti.

Jadual 4.6 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Susunan

Kategori	Kekerapan Kesalahan	Peratus kesalahan
Susunan	27	6%

Carta 4.6 Peratus dan Kekerapan Kesalahan Susunan



4.1.3.5 Kategori Penambahan


Peratus kesalahan jenis penambahan adalah yang paling rendah iaitu sebanyak 11 kesalahan atau 2.40%. Penyelidik telah membahagikan kesalahan penambahan kepada tiga jenis iaitu; penambahan kata ganti nama diri objek langsung (PB1), penambahan kata ganti nama diri objek tidak langsung (PB2), dan penambahan kata ganti nama refleksif (PB3).

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa peratus kesalahan penambahan jenis PB3 adalah paling tinggi iaitu sebanyak 8 kesalahan atau 73%, diikuti oleh PB2 iaitu sebanyak 2 kesalahan atau 18% dan PB1 iaitu sebanyak 1 kesalahan atau 9%.

Jadual 4.7 Peratus dan Jumlah Kekerapan Kesalahan Penambahan

Jenis-jenis Penambahan	Kekerapan Kesalahan	Peratus Kesalahan
Penambahan kata ganti nama refleksif (PB3)	8	73%
Penambahan kata ganti nama diri objek tidak langsung (PB2)	2	18%
Penambahan kata ganti nama diri objek langsung (PB1)	1	9%
Jumlah	11	100%

Carta 4.7 Peratus dan Kekerapan Kesalahan Penambahan



4.2 Analisis Bentuk-Bentuk Kesalahan

Analisis bentuk-bentuk kesalahan tertumpu kepada hal-hal seperti yang berikut:

4.2.1 Kesalahan Padanan

Kesalahan padanan merupakan kesalahan yang paling banyak berlaku iaitu sebanyak 271 kesalahan atau 59%. Daripada jumlah tersebut 73 kesalahan atau 27% ialah kesalahan padanan jenis PA5, 65 kesalahan atau 24% ialah kesalahan padanan jenis PA2, 53 kesalahan atau 20% ialah kesalahan padanan jenis PA4, 49 kesalahan atau 18% ialah kesalahan padanan jenis PA3 dan 31 kesalahan atau 11% ialah kesalahan padanan jenis PA1 (sila rujuk jadual 4.1).

Padanan ialah penyesuaian kata ganti nama diri dengan subjek atau objek yang dirujuk berdasarkan kepada bilangan dan genus. Contoh:

- (1) **Ayat asal :** *Nosotros compramos todos los días el periódico.* (Kami membeli surat khabar setiap hari.)

Jawapan : *Lo compramos todos los días.*

(Kami membelinya setiap hari.)

Dalam contoh (1) di atas *el periódico* (surat khabar) dalam ayat asal adalah kata ganti nama yang berfungsi sebagai pelengkap ayat (objek langsung). Dalam jawapan, *el periódico* telah digantikan dengan kata ganti nama objek tidak langsung *Lo* (nya). Penggantian *el periódico* kepada *Lo* dibuat berdasarkan kepada penyesuaian bilangan iaitu *el periódico* sebagai kata nama singular (satu surat khabar), dan penyesuaian genus iaitu *el periódico* sebagai kata nama maskulin.

Tetapi jika tempat *el periódico* di dalam ayat asal digantikan dengan perkataan *las revistas* (*majalah-majalah*), maka *Lo* dalam ayat jawapan perlu digantikan dengan *Las* berdasarkan kepada penyesuaian bilangan iaitu *las revistas* sebagai kata nama jamak (banyak majalah), dan penyesuaian genus iaitu *las revistas* sebagai kata nama feminin. (sila rujuk bab 2)

Dalam menentukan kesalahan dari aspek padanan, penyelidik telah menumpukan pada hal-hal seperti yang berikut:

- i. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan subjek refleksif yang dirujuk (PA1).
- ii. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan objek langsung yang dirujuk (PA2).
- iii. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan objek tidak langsung yang dirujuk (PA3).

- iv. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan bilangan (PA4) dan
- v. Kesalahan padanan kata ganti nama diri dengan genus (PA5).

Contoh-contoh kesalahan padanan jenis PA1 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

- (2) **Jawapan pelajar :** *Nosotros se despertamos muy temprano.*
Jawapan yang betul : *Nosotros nos despertamos muy temprano.*
(Kami bangun tidur sangat awal.)
- (3) **Jawapan pelajar :** *Usted te lava los dientes.*
Jawapan yang betul : *Usted se lava los dientes.*
(Awak [formal] menggosok gigi.)
- (4) **Jawapan pelajar :** *Ustedes le seca las manos.*
Jawapan yang betul : *Ustedes se secan las manos.*
(Awak semua [formal] membasuh tangan.)
- (5) **Jawapan pelajar :** *Vosotros nos acostáis a las 12.*
Jawapan yang betul : *Vosotros os acostáis a las 12.*
(Awak semua (tidak formal) masuk tidur pada pukul 12.)

(6) Jawapan pelajar : *Nosotros lo sienta en el jardín.*

Jawapan yang betul : *Nosotros nos sentamos en el jardín.*

(Kami duduk di dalam taman.)

Dalam contoh (2) padanan yang betul bagi kata kerja refleksif despertamos adalah kata ganti nama refleksif nos yang merujuk kepada pelaku diri pertama jamak (*nosotros*). Dalam contoh (3) padanan yang betul bagi kata kerja refleksif lava adalah kata ganti nama refleksif se yang merujuk kepada pelaku diri kedua mufrad bagi bentuk sopan (*usted*). Dalam hal ini pelajar telah terkeliru dalam menentukan kata ganti nama refleksif yang sesuai bagi merujuk diri kedua bentuk sopan (*usted*) dan diri kedua bentuk biasa (*tu*). Dalam contoh (4), padanan yang betul bagi kata kerja refleksif seca ialah kata ganti nama refleksif se yang merujuk kepada pelaku diri kedua jamak bagi bentuk sopan (*ustedes*). Dalam contoh (5) padanan yang betul bagi kata kerja refleksif acostáis adalah kata ganti nama refleksif os yang merujuk kepada pelaku diri kedua jamak (*vosotros*). Dalam contoh (6) padanan yang betul bagi kata kerja refleksif sentamos adalah kata ganti nama refleksif nos yang merujuk kepada pelaku diri pertama jamak (*nosotros*).

Contoh-contoh kesalahan padanan jenis PA2 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

(7) **Ayat asal :** *Él firma la carta.*

(Dia menandatangani surat itu).

Jawapan pelajar : *Él le firma la carta.*

(Dia menandatangani surat kepadanya.)

Jawapan yang betul : *Él la firma.*

(Dia menandatanganinya.)

(8) **Ayat asal :** *Tú cantas una canción.*

(Awak [tidak formal] menyanyikan sebuah lagu.)

Jawapan pelajar : *Tú le cantas una canción.*

(Awak [tidak formal] menyanyikan sebuah lagu kepadanya.)

Jawapan yang betul : *Tú la cantas.*

(Awak [tidak formal] menyanyikannya.)

(9) **Ayat asal :** *Ellos acuestan a los niños muy pronto.*

(Mereka menidurkan kanak-kanak itu dengan segera)

Jawapan pelajar : *Ellos les acuestan a los niños.*

(Mereka menidurkan kanak-kanak itu kepada mereka.)

Jawapan yang betul : *Ellos los acuestan.*

(Mereka menidurkannya.)

Dalam contoh (7) padanan yang betul bagi kata nama objek langsung

la carta adalah kata ganti nama diri objek langsung la. Dalam contoh (8)

padanan yang betul bagi kata nama objek langsung *la canción* adalah juga kata ganti nama diri objek langsung *la*. Dalam contoh (9) padanan yang digunakan jelas salah di mana padanan yang betul adalah kata ganti nama diri objek langsung *los* yang merujuk kepada frasa objek langsung *a los niños*.

Contoh-contoh kesalahan padanan jenis PA3 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut :

(10) **Ayat asal :** *Yo le hago a la profesora una pregunta.*

(Saya mengemukakan kepada guru satu soalan.)

Jawapan pelajar : *Me la hago.*

(Saya mengemukakannya kepada saya.)

Jawapan yang betul : *Yo se la hago.*

(Saya mengemukakannya kepada dia.)

(11) **Ayat asal :** *Mañana os devuelvo el dinero.*

(Saya akan memulangkan wang kepada awak semua [tidak formal] esok.)

Jawapan pelajar : *Mañana se lo devuelvo.*

(Saya akan memulangkannya kepada dia esok)

Jawapan yang betul : *Mañana os lo devuelvo.*

(Saya akan memulangkannya kepada awak semua [tidak formal] esok.)

- (12) Ayat asal : *¿Te ha enseñado Margarita el vestido que se ha comprado?*

(Adakah Margarita menunjukkan kepada awak [tidak formal] skirt yang dibelinya?)

Jawapan pelajar : *Si, se lo ha enseñado.*

(Ya, dia menunjukkannya kepada dia.)

Jawapan yang betul : *Sí, me lo ha enseñado.*

(Ya, dia menunjukkannya kepada saya.)

Dalam contoh (10) padanan yang betul bagi frasa objek tidak langsung a la profesora adalah kata ganti nama diri objek tidak langsung se. Dalam contoh (11) padanan yang betul adalah kata ganti nama diri objek tidak langsung os yang merujuk kepada frasa objek tidak langsung os (a vosotros). Dalam contoh (12) padanan yang digunakan jelas salah di mana padanan yang sepatutnya adalah kata ganti nama diri objek tidak langsung me yang merujuk kepada frasa objek tidak langsung a mí.

Contoh-contoh kesalahan padanan jenis PA4 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut :

(13) Ayat asal : *Vosotros saludáis a vuestros amigos.*

(Awak semua [tidak formal] menyapa kawan-kawan awak.)

Jawapan pelajar : *Vosotros lo saluddáis.*

(Awak semua [tidak formal] menyapanya.)

Jawapan yang betul : *Vosotros los saludáis.*

(Awak semua [tidak formal] menyapa mereka.)

(14) Ayat asal : *Mañana os devuelvo el dinero.*

(Saya akan memulangkan wang kepada awak semua [tidak formal] esok)

Jawapan pelajar : *Mañana os los devuelvo.*

(Saya akan memulangkan mereka kepada awak semua [tidak formal] esok.)

Jawapan yang betul : *Mañana os lo devuelvo.*

(Saya akan memulangkannya kepada awak semua [tidak formal] esok.)

(15) Ayat asal : *Los alumnos escuchan al profesor.*

(Pelajar-pelajar mendengar guru.)

Jawapan pelajar : *Los alumnos los escuchan.*

(Pelajar-pelajar mendengar mereka.)

Jawapan yang betul : *Los alumnos lo escuchan.*

(Pelajar-pelajar mendengarnya.)

Dalam contoh (13) padanan yang betul bagi frasa objek langsung jamak a vuestros amigos adalah kata ganti nama diri objek langsung jamak los. Dalam contoh (14) padanan yang digunakan jelas salah di mana padanan yang betul adalah kata ganti nama diri objek langsung mufrad lo yang merujuk kepada kata nama objek langsung mufrad el dinero. Dalam contoh (15) padanan yang betul adalah kata ganti nama diri objek langsung mufrad lo yang merujuk kepada frasa objek langsung mufrad al profesor.

Contoh-contoh kesalahan padanan jenis PA5 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut :

- (16) **Ayat asal :** *La madre le pone el abrigo a su hijo.*

(Emak memakaikan kepada anaknya kot.)

Jawapan pelajar : *Ella (la madre) se la pone.*

(Dia [emak] memakaikannya [feminin] kepadanya.)

Jawapan yang betul : *Ella (la madre) se lo pone.*

(Dia [emak] memakaikannya [maskulin] kepadanya.)

- (17) **Ayat asal :** *El niño le esconde la muñeca a su hermana.*

(Budak lelaki itu menyembunyikan anak patung dari adiknya.)

Jawapan pelajar : *Él (el niño) se lo esconde.*

(Dia [budak lelaki itu] menyembunyikannya [maskulin] darinya)

Jawapan yang betul : *Él (el niño) se la esconde.*

(Dia [budak lelaki itu] menyembunyikannya [feminin] darinya.)

(18) Ayat asal : *Él firma la carta.*

(Dia menandatangani surat itu.)

Jawapan pelajar : *Él lo firma.*

(Dia menandatanganinya [maskulin].)

Jawapan yang betul : *Él la firma.*

(Dia menandatanganinya [feminin].)

Dalam contoh (16) padanan yang betul bagi kata nama objek langsung maskulin *el abrigo* adalah kata ganti nama diri objek langsung maskulin *lo*. Dalam contoh (17) padanan yang betul adalah kata ganti nama diri objek langsung feminin *la* yang merujuk kepada kata nama objek langsung feminin *la muñeca*. Dalam contoh (18) padanan yang betul bagi kata nama objek langsung feminin *la carta* adalah kata ganti nama diri objek langsung feminin *la*.

4.2.2 Kesalahan Pengguguran

Kesalahan pengguguran merupakan kesalahan yang kedua paling banyak berlaku iaitu sebanyak 80 kesalahan atau 17.40 %. Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 kesalahan atau 42.5 % ialah kesalahan pengguguran jenis PE1, 25 kesalahan atau 31.25 % ialah kesalahan pengguguran jenis

PE2, dan 21 kesalahan atau 26.25% ialah kesalahan pengguguran jenis PE3 (sila rujuk jadual 4.4).

Pengguguran ialah penghilangan kata ganti nama diri yang sepatutnya wujud di dalam ayat yang dihasilkan. Kegagalan pelajar meletakkan kata ganti nama diri di dalam ayat, telah menjadikan ayat-ayat tersebut tidak gramatis dan tidak bermakna. Contoh:

(19) Ayat pertanyaan : *¿Te has tomado la aspirina ?*

(Awak telah makan aspirin?)

Jawapan : *Sí, me la he tomado.*

(Ya, saya telah memakannya.)

Dalam ayat pertanyaan di atas, *te* ialah kata ganti nama refleksif. *La aspirina* ialah kata nama objek langsung. Dalam jawapan, *la aspirina* telah digantikan dengan kata ganti nama diri objek langsung *la* dan kata ganti nama diri objek tidak langsung *te* telah ditukarkan menjadi kata ganti nama diri objek tidak langsung *me*. Jika sekiranya *me* atau *la* digugurkan dalam jawapan, ayat tersebut menjadi tidak lengkap dan secara nahu ia tidak menepati jawapan bagi soalan dalam ayat pertanyaan.

Dalam menentukan kesalahan dari aspek pengguguran penyelidik telah menumpukan kepada kesalahan-kesalahan seperti yang berikut:

- (i) Pengguguran kata ganti nama diri objek langsung (PE1)
- (ii) Pengguguran kata ganti nama diri objek tidak langsung (PE2)
- (iii) Pengguguran kata ganti nama refleksif (PE3)

Contoh-contoh kesalahan pengguguran jenis PE1 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

- (20) **Ayat asal :** *¿Te la enseñado Margarita el vestido que se ha comprado?*

(Adakah Margarita menunjukkan kepada awak skirt yang dibelinya?)

Jawapan pelajar : *Si, me ____ he enseñado Margarita que se ha comprado.*

(Ya, dia menunjukkan ____ kepada saya.)

Jawapan yang betul : *Si, me lo he enseñado Margarita que se ha comprado.*

(Ya, dia menunjukkannya kepada saya.)

- (21) **Ayat asal :** *Ustedes nos pueden mandar el paquete por avión.*

(Awak semua (formal) boleh mengirimkan bungkusan itu kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan pelajar : *Ustedes nos ____ pueden mandar el paquete por avión.*

(Awak semua [formal] boleh mengirimkan _____ kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan yang betul : *Ustedes nos lo pueden mandar por avión.*

(Awak semua [formal] boleh mengirimkannya kepada kami dengan kapal terbang.)

(22) Ayat asal : *¿Os habéis comprado los billetes para el viaje?*

(Adakah awak semua telah membeli tiket untuk perjalanan?)

Jawapan pelajar : *Sí, nos _____ comprado esta tarde.*

(Ya, kami telah membeli _____ petang tadi.)

Jawapan yang betul : *Sí, nos los hemos comprado esta tarde.*

(Ya, kami telah membelinya petang tadi.)

Dalam contoh (20) pelajar telah menggugurkan kata ganti nama diri objek langsung lo yang merujuk kepada kata nama objek langsung el vestido. Jawapan yang sepatutnya diberi ialah “*sí, me lo he enseñado Margarita que se ha comprado*”. Dalam contoh (21) pengguguran kata ganti nama diri objek langsung lo dan kata ganti nama diri objek tidak langsung nos berlaku yang sepatutnya wujud bagi menggantikan kata nama objek langsung el paquete dan frasa objek tidak langsung a nosotros. Jawapan yang betul bagi soalan dalam contoh (21) ialah “*Ustedes nos lo pueden mandar por avión*”. Dalam contoh (22) pula, pelajar telah menggugurkan kata ganti nama diri objek langsung los yang sepatutnya wujud bagi

menggantikan kata nama objek langsung *los billetes*. Jawapan yang betul ialah “*Sí, nos los comprado esta tarde*”.

Contoh-contoh kesalahan pengguguran jenis PE2 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

(23) **Ayat asal :** *¿ Me puedes prestar 1,000 pesetas?*

(Bolehkah awak meminjamkan kepada saya 1,000 pesetas?)

Jawapan pelajar : *Sí, puedo prestar _____ las.*

(Ya, saya boleh meminjamkannya _____.)

Jawapan yang betul : *Sí puedo prestártelas.*

(Ya, saya boleh meminjamkannya kepada awak.)

(24) **Ayat asal :** *¿ Me quiere usted dar el abrigo ?*

(Adakah awak (formal) mahu memberikan kepada saya kot itu?)

Jawapan pelajar : *Sí, quiero dar _____ lo.*

(Ya, saya mahu memberikannya _____ .)

Jawapan yang betul : *Sí, quiero dártelo.*

(Ya, saya mahu memberikannya kepada awak.)

(25) **Ayat asal :** *Ellos siempre la traen flores.*

(Mereka sentiasa membawakan bunga kepadanya.)

Jawapan pelajar : los traen flores.

(Mereka sentiasa membawakannya [bunga] _____ .)

Jawapan yang betul : Se las traen.

(Mereka sentiasa membawakannya [bunga] kepada dia.)

Dalam contoh (23) pelajar telah menggugurkan kata ganti nama diri objek tidak langsung te yang sepatutnya wujud bagi menggantikan frasa objek tidak langsung a ti. Jawapan yang betul adalah "Si, puedo prestártelas". Dalam contoh (24) juga, pelajar telah menggugurkan kata ganti nama diri objek tidak langsung te. Jawapan yang sepatutnya ialah "Si, quiero dártelo". Dalam contoh (25) pelajar telah menggugurkan kata ganti nama diri objek tidak langsung se yang sepatutnya wujud bagi menggantikan frasa objek tidak langsung a ella. Jawapan yang betul ialah "Se las traen flores".

Contoh-contoh kesalahan pengguguran jenis PE3 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

(26) Ayat asal : *Él no se puede comprar un coche deportivo.*

(Dia tidak mampu membeli kereta sport.)

Jawapan pelajar: *Él no puede comprar ___ lo.*

(___ tidak mampu membelinya.)

Jawapan yang betul : *Él no puede comprárselo.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

(27) Ayat asal : *¿Te has tomado la aspirina?*

(Adakah awak telah makan aspirin?)

Jawapan pelajar : *Si, la he tomado.*

(Ya, _____ telah memakannya.)

Jawapan yang betul : *Si, me la he tomado.*

(Ya, saya telah memakannya.)

(28) Ayat asal : *Ella se va a cortar el pelo.*

(Dia keluar memotong rambut.)

Jawapan pelajar : *Ella va a cortar lo.*

(_____ keluar memotongnya.)

Jawapan yang betul : *Ella va a cortárselo.*

(Dia keluar memotongnya.)

Dalam contoh (26) jelas pelajar telah menggugurkan kata ganti nama refleksif se yang sepatutnya dipadankan dengan kata kerja refleksif puede. Jawapan yang sepatutnya ialah “*Él no puede comprárselo*”. Dalam contoh (27) pula, pelajar telah menggugurkan kata ganti nama refleksif me yang sepatutnya dipadankan dengan kata kerja refleksif he tomado. Jawapan yang betul ialah “*Si, me la he tomado*”. Manakala dalam contoh (28) pelajar telah menggugurkan kata ganti nama refleksif se yang sepatutnya dipadankan dengan kata kerja refleksif va. Jawapan yang betul ialah “*Ella va a cortárselo*”.

4.2.3 Kesalahan Posisi

Kesalahan posisi merupakan kesalahan yang ketiga paling banyak berlaku iaitu sebanyak 70 kesalahan atau 15.20%. Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 kesalahan atau 48.60% ialah kesalahan posisi jenis PO3, 30 kesalahan atau 42.80% ialah kesalahan jenis PO2, dan 6 kesalahan atau 8.60% ialah kesalahan posisi jenis PO1 (sila rujuk jadual 4.5).

Posisi ialah kedudukan kata ganti nama diri di dalam ayat samada sebelum atau selepas kata kerja, bergantung kepada bentuk kata kerja tersebut (sila rujuk bab 3). Contoh :

- (29) *Ella friega los platos.* (Dia mencuci pinggan)
- (30) *Ella los friega.* (Dia mencucinya)
- (31) *Puedo comprar el coche.* (saya mampu membeli kereta)
- (32) *Puedo comprarlo.* (Saya mampu membelinya)

Dalam contoh (30) di atas, los adalah kata ganti nama diri objek langsung yang menggantikan kata nama objek langsung los platos (dalam ayat 29). Los berkedudukan sebelum kata kerja friega. Ini kerana friega adalah kata kerja yang berada dalam bentuk konjugasi diri ketiga mufrad. Tetapi dalam contoh (32) lo iaitu kata ganti nama diri objek langsung yang menggantikan kata nama objek langsung el coche (dalam ayat 31) berada

selepas kata kerja comprar. Ini kerana comprar adalah kata kerja infinitif iaitu kata kerja yang berada di dalam bentuk yang asal. (sila rujuk bab 3).

Dalam menentukan kesalahan dari aspek posisi, penyelidik telah menumpukan pada hal-hal seperti yang berikut:

- 1) Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek langsung (PO1)
- 2) Kesalahan posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung (PO2)
- 3) Kesalahan posisi kata ganti nama refleksif (PO3)

Contoh-contoh kesalahan posisi jenis PO1 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

(33) **Ayat asal :** *La profesora cierra las ventanas.*

(Guru menutup tingkap.)

Jawapan pelajar : *La profesora cierra las.*

(Guru menutupnya.)

Jawapan yang betul : *La profesora las cierra.*

(Guru menutupnya.)

(34) **Ayat asal :** *Ellos acuestan a los niños muy pronto.*

(Mereka menidurkan kanak-kanak itu dengan segera.)

Jawapan pelajar : *Ellos acuestan los.*

(Mereka menidurkannya dengan segera.)

Jawapan yang betul : *Ellos los acuestan.*

(Mereka menidurkannya dengan segera.)

(35) **Ayat asal :** *Él no se puede comprar un coche deportivo.*

(Dia tidak mampu membeli kereta sport.)

Jawapan pelajar : *Él lo no se puede comprar.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

Jawapan yang betul : *Él no puede comprárselo.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

Dalam contoh (33) posisi yang betul bagi las ialah sebelum kata kerja cierra iaitu (*La profesora las cierra*). Ini kerana cierra adalah kata kerja yang telah dikonjugasikan mengikut subjek atau pelaku diri ketiga mufrad (*la profesora*). Bentuk infinitif bagi kata kerja cierra ialah cerrar. Begitu juga dalam contoh (34) kata ganti nama diri objek langsung los sepatutnya diletakkan sebelum kata kerja acuestan iaitu (*Ellos*) los acuestan, kerana acuestan adalah kata kerja yang telah dikonjugasikan mengikut subjek diri ketiga jamak (*ellos*). Bentuk infinitif bagi kata kerja acuestan ialah acostar. Manakala kata ganti nama diri objek langsung lo dalam contoh (35) boleh berada di dua posisi iaitu samada selepas no dan se iaitu no se lo puede comprar di mana se, lo dan puede dijarakkan di antara satu sama lain kerana kata kerja puede berada dalam bentuk konjugasi diri

ketiga mufrad (*él*), atau selepas kata kerja comprar iaitu *no puede comprárselo* di mana *comprar*, *se* dan *lo* tidak dijarakkan di antara satu sama lain kerana kata kerja comprar berada dalam bentuk infinitif.

Contoh-contoh kesalahan posisi jenis PO2 yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:-

(36) **Ayat asal :** *JMe quiere usted dar el abrigo?*

(Adakah awak (formal) mahu memberikan kepada saya kot itu?)

Jawapan pelajar : *me quiere usted darlo.*

(Awak mahu memberikannya kepada saya.)

Jawapan yang betul : *Quiero dártelo.*

(Saya mahu memberikannya kepada awak.)

(37) **Ayat asal :** *Ustedes nos pueden mandar el paquete por avión.*

(Awak semua (formal) boleh mengirimkan bungkusan itu kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan pelajar : *Ustedes nos pueden mandar lo.*

(Awak semua (formal) boleh mengirimkannya kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan yang betul : *Ustedes pueden mandárnoslo por avión.*

(Awak semua (formal) boleh mengirimkannya kepada kami dengan kapal terbang.)

(38) **Ayat asal :** *¿Me puedes prestar 1,000 pesetas?*

(Bolehkah awak meminjamkan kepada saya 1,000 pesetas?)

Jawapan pelajar : *No, no te puedo prestar las.*

(Tidak, saya tidak boleh meminjamkannya kepada awak.)

Jawapan yang betul : *No, no puedo prestártelas.*

(Tidak, saya tidak boleh meminjamkannya kepada awak.)

Dalam contoh (36) posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung te yang betul ialah “*quiere usted dárte lo*” iaitu selepas kata kerja dar dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung lo. Dalam contoh (37) kata ganti nama diri objek tidak langsung nos sepatutnya berada di kedudukan selepas kata kerja mandar dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung lo iaitu “*ustedes pueden mandárnoslo*”. Begitu juga dalam contoh (38) posisi kata ganti nama diri objek tidak langsung te yang sepatutnya ialah selepas kata kerja prestar dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung las iaitu “*No, no puedo prestártelas*”.

Contoh-contoh kesalahan posisi jenis PO3 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

(39) **Ayat asal :** *Ella se va a cortar el pelo.*

(Dia keluar memotong rambut.)

Jawapan pelajar : *Ella se va a corta lo.*

iii(Dia keluar memotongnya.)

Jawapan yang betul : *Ella va a cortárselo.*

(Dia keluar memotongnya.)

(40) **Ayat asal :** *Él no se puede comprar un coche deportivo.*

(Dia tidak mampu membeli kereta sport.)

Jawapan pelajar : *Él no se puede comprar lo.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

Jawapan yang betul : *Él no puede comprárselo.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

(41) **Ayat asal :** *¿Te vas a poner el vestido largo?*

(Adakah awak akan memakai skirt yang labuh itu?)

Jawapan pelajar : *Me voy a poner lo.*

(Ya, saya akan memakainya.)

Jawapan yang betul : *Si, voy a ponérmelo.*

(Ya, saya akan memakainya.)

Dalam contoh-contoh (39), (40) dan (41) di atas, se dan te adalah kata ganti nama refleksif. Dalam contoh (39) posisi se yang betul ialah “*Ella va a cortárselo*”, iaitu selepas kata kerja infinitif cortar dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung lo. Begitu juga dalam contoh (40) posisi se sepatutnya ialah “*Él no puede comprárselo*”, iaitu selepas kata kerja

infinitif comprar dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung lo. Dalam contoh (41) posisi me yang betul ialah selepas kata kerja infinitif poner dan sebelum kata ganti nama diri objek langsung lo, iaitu “*voy a ponérmelo*.

4.2.4 Kesalahan Susunan

Kesalahan susunan merupakan kesalahan yang kedua paling sedikit berlaku iaitu sebanyak 27 kesalahan atau 6%. (sila rujuk jadual 4.6). Susunan merujuk kepada kedudukan kata ganti nama diri objek langsung, kata ganti nama diri objek tidak langsung dan kata ganti nama refleksif yang berentetan di dalam satu ayat. Contoh:

(42) **Ayat asal :** *Él pregunta al policía la dirección.*

(Dia bertanya kepada polis arah.)

Jawapan : *Él se la pregunta.*

(Dia bertanyanya [arah] kepadanya [polis].)

(43) **Ayat asal :** *Ella se va a cortar el pelo.*

(Dia keluar memotong rambut.)

Jawapan : *Ella va a cortárselo.*

(Dia keluar memotongnya.)

Dalam contoh (42) di atas, *al policía* adalah kata nama objek tidak langsung manakala *la dirección* adalah kata nama objek langsung. Dalam contoh (42) perkataan *al policía* telah digantikan dengan kata ganti nama *se* manakala perkataan *la dirección* digantikan dengan kata ganti nama diri objek langsung *la*. *Se* adalah kata ganti nama diri objek langsung dan *la* ialah kata ganti nama diri objek tidak langsung yang berentetan di dalam ayat. Dalam hal ini, posisi yang betul bagi kata ganti nama diri objek tidak langsung *se* ialah di hadapan kata ganti nama diri objek langsung *la* iaitu *se la*. Hal yang sama berlaku dalam contoh-contoh (42) dan (43).

Kesalahan susunan jelas kelihatan melalui contoh-contoh seperti berikut:

(44) **Ayat asal :** *Ustedes nos pueden mandar el paquete por avión.*

(Awak semua (formal) boleh mengirimkan bungkusan itu kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan pelajar : *Ustedes lo nos pueden mandar por avión.*

(Awak semua [formal] boleh mengirimkannya kepada kami dengan kapal terbang.)

Jawapan yang betul : *Ustedes pueden mandárnoslo por avión.*

(Awak semua [formal] boleh mengirimkannya kepada kami dengan kapal terbang.)

(45) Ayat asal : *Ella se va a cortar el pelo.*

(Dia keluar memotong rambut.)

Jawapan pelajar : *Ella lo se va a cortar.*

(Dia keluar memotongnya.)

Jawapan yang betul : *Ella va a cortárselo.*

(Dia keluar memotongnya.)

(46) Ayat asal : *Él no se puede comprar un coche deportivo.*

(Dia tidak mampu membeli kereta sport.)

Jawapan pelajar : *Él no lo se puede comprar.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

Jawapan yang betul : *Él no puede comprárselo.*

(Dia tidak mampu membelinya.)

Susunan dalam contoh (44) jelas salah dari segi struktur bahasa Sepanyol. Susunan yang betul ialah kata ganti nama diri objek tidak langsung nos dahulu dan diikuti oleh kata ganti nama diri objek langsung lo iaitu “ustedes nos lo pueden mandar por avión”. Nos ialah kata ganti nama diri objek tidak langsung manakala lo ialah kata ganti nama diri objek langsung. Dalam contoh-contoh (45) dan (46), lo ialah kata ganti nama diri objek langsung manakala se ialah kata ganti nama refleksif. Susunan yang betul bagi kedua-dua ayat tersebut ialah se di hadapan diikuti oleh lo iaitu “*ella se lo va a cortar*” dan “*él no se lo puede comprar*”.

4.2.5 Kesalahan Penambahan

Kesalahan penambahan merupakan kesalahan yang paling sedikit berlaku iaitu sebanyak 11 kesalahan atau 2.40%. Daripada jumlah tersebut 8 kesalahan atau 73% ialah kesalahan penambahan jenis PB3, 2 kesalahan atau 18% ialah kesalahan penambahan jenis PB2 dan 1 kesalahan atau 9% ialah kesalahan penambahan jenis PB1. (sila rujuk jadual 4.7). Penambahan adalah keterbalikan daripada pengguguran. Penambahan bererti menambahkan atau mangadakan kata ganti nama diri yang tidak perlu di dalam ayat. Contoh:

(47) *Tú te afeitas por la mañana.*

(Awak bercukur pada waktu pagi.)

Dalam ayat di atas *te* adalah kata ganti nama refleksif yang berfungsi untuk menunjukkan bahawa perbuatan bercukur (*afeitas*) adalah dilakukan oleh pelaku *tú* ke atas dirinya sendiri. Oleh kerana pelaku adalah *tú* iaitu diri kedua mufrad maka kata ganti nama refleksif yang sesuai adalah *te*. Tetapi pelajar seringkali menambah kata ganti nama refleksif *se* di hadapan *te* kerana menyangka kehadiran *se* adalah wajib bagi mengiringi kata kerja refleksif. Sedangkan *se* adalah kata ganti nama refleksif yang berfungsi untuk menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan itu adalah dilakukan oleh pelaku diri ketiga samada mufrad (*él, ella*) atau jamak (*ellos, ellas*) dan diri

kedua bagi bentuk sopan samada mufrad (usted) atau jamak (*ustedes*) ke atas dirinya sendiri.

Dalam menentukan kesalahan dari aspek penambahan, penyelidik telah menumpukan pada hal-hal seperti yang berikut:

- (i) Kesalahan penambahan kata ganti nama diri objek langsung di dalam ayat (PB1)
- (ii) Kesalahan penambahan kata ganti nama diri objek tidak langsung di dalam ayat (PB2)
- (iii) Kesalahan penambahan kata ganti nama refleksif di dalam ayat (PB3)

Contoh kesalahan penambahan jenis PB1 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

(48) Ayat asal : *Él se afeita por la mañana.*

(Dia bercukur pada waktu pagi.)

Jawapan pelajar : *Tú afeita lo.*

(Awak bercukurnya.)

Jawapan yang betul : *Tú te afeitas por la mañana.*

(Awak bercukur pada waktu pagi.)

Dalam ayat asal di atas se ialah kata ganti nama refleksif bagi pelaku diri ketiga mufrad él. Dalam jawapan, pelajar dikehendaki memadankan kata ganti nama refleksif yang sesuai dengan subjek yang diberi iaitu tú. Pelajar sepatutnya menjawab “*Tú te afeitas por la mañana*”, iaitu te ialah kata ganti nama refleksif bagi pelaku diri kedua mufrad tú. Tetapi pelajar telah menggugurkan te dan sebaliknya menambah kata ganti nama diri objek langsung lo yang jelas tidak perlu.

Contoh-contoh kesalahan penambahan jenis PB2 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

(49) **Ayat asal :** *Nosotros nos acostamos a las 12.*

(Kami masuk tidur pada pukul 12.)

Jawapan pelajar : *Vosotros se os acostamos a las 12.*

(Awak semua [tidak formal] masuk tidurnya pada pukul 12.)

Jawapan yang betul : *Vosotros os acostáis a las 12.*

(Awak semua [tidak formal] masuk tidur pada pukul 12.)

(50) **Ayat asal :** *El vendedor nos envuelve el libro.*

(Penjual membungkuskan untuk kami buku itu.)

Jawapan pelajar : *Nos se lo envuelve.*

(Penjual membungkuskannya kepada kami untuk kami.)

Jawapan yang betul : *Nos lo envuelven.*

(Penjual membungkuskannya untuk kami.)

Dalam ayat asal contoh (49) di atas nos adalah kata ganti nama refleksif bagi pelaku diri pertama jamak (*nosotros*). Pelajar dikehendaki menentukan kata ganti nama refleksif yang sesuai (os) berdasarkan kepada pelaku diri kedua jamak (*vosotros*) yang telah sedia diberi. Tetapi pelajar telah menambahkan se di hadapan os yang pada hemat penyelidik penambahan itu dibuat kerana pelajar telah memanjangkan peraturan menyusun kata ganti nama diri objek langsung, kata ganti nama diri objek tidak langsung dan kata ganti nama refleksif yang berentetan di dalam ayat ke dalam konteks ayat ini. Se ialah pertukaran dari lo iaitu kata ganti nama diri objek tidak langsung yang disangka oleh pelajar wujud dalam ayat ini.

Hal yang sama berlaku dalam contoh (50). Pelajar sepatutnya menjawab El nos lo envuelve di mana El adalah kata ganti nama yang merujuk kepada el vendedor, nos adalah kata ganti nama diri objek tidak langsung yang merujuk kepada nosotros dan lo adalah kata ganti nama diri objek langsung yang merujuk kepada el libro. Tetapi pelajar telah menambah se yang pada hemat penyelidik adalah juga kata ganti nama diri objek tidak langsung yang disangka pelajar perlu diletakkan di dalam ayat tersebut, walhal kata ganti nama objek tidak langsung nos telah pun wujud.

Contoh-contoh kesalahan penambahan jenis PB3 yang telah dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

- (51) **Ayat asal :** *Ellos acuestan a los niños muy pronto.*

(Mereka menidurkan kanak-kanak itu dengan segera.)

Jawapan pelajar : *Ellos se acuestan los.*

(Mereka menidurkannya kepadanya dengan segera.)

Jawapan yang betul : *Ellos los acuestan.*

(Mereka menidurkannya dengan segera.)

- (52) **Ayat asal :** *Ella friega los platos.*

(Dia membasuh pinggan.)

Jawapan pelajar : *Ella los se friega.*

(Dia membasuhnya.)

Jawapan yang betul : *Ella los friega.*

(Dia membasuhnya.)

Dalam contoh (51) pelajar dikehendaki menukar kata nama objek langsung a los niños dalam ayat asal kepada kata ganti nama diri objek langsung yang sesuai iaitu los. Tetapi dalam jawapan yang dihasilkan, pelajar telah menambah se yang pada hmat penyelidik adalah kata ganti nama refleksif kerana pelajar menyangka kata kerja acuestan adalah kata kerja refleksif. Begitu juga halnya dalam contoh (52). Dalam jawapan,

pelajar perlu menggunakan kata ganti nama diri objek langsung *los* bagi menggantikan kata nama objek langsung *los platos*. Tetapi dalam jawapan yang diberi, pelajar telah menambah *se* yang juga pada hemat penyelidik adalah kata ganti nama refleksif kerana pelajar menyangka kata kerja *friegas* adalah kata kerja refleksif.

4.3 Analisis Kertas Soal Selidik

Taburan sampel berdasarkan sikap terhadap bahasa Sepanyol ditunjukkan dalam jadual 4.8, manakala taburan sampel berdasarkan sikap terhadap penutur bahasa Sepanyol ditunjukkan dalam jadual 4.9, taburan sampel berdasarkan motivasi instrumantel ditunjukkan dalam jadual 4.11 manakala taburan sampel berdasarkan motivasi integratif ditunjukkan dalam jadual 4.12. Taburan sampel berdasarkan masalah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol ditunjukkan dalam jadual 4.14, dan taburan sampel berdasarkan strategi pembelajaran bahasa Sepanyol ditunjukkan dalam jadual 4.16. Keputusan penuh sampel untuk setiap aspek ditunjukkan dalam jadual 4.10, jadual 4.13, jadual 4.15 dan jadual 4.17.

4.3.1 Sikap

Dua pembolehubah sikap yang diteliti dalam kajian ini ialah:

- i) Sikap terhadap bahasa Sepanyol, dan
- ii) Sikap terhadap penutur bahasa Sepanyol.

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap bahasa Sepanyol pada keseluruhannya sangat baik (positif). Manakala jadual 4.9 menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap penutur bahasa Sepanyol adalah sederhana. Penutur bahasa Sepanyol di sini merujuk kepada samada penutur natif bahasa Sepanyol dari negara-negara berbahasa Sepanyol atau orang-orang Malaysia yang berpendidikan Sepanyol yang biasanya bertutur dalam bahasa Sepanyol.

Jadual 4.8 Taburan Sampel Berdasarkan Sikap Terhadap Bahasa Sepanyol

SIKAP	KEKERAPAN
Negatif	0 (0%)
Sederhana	3 (27.27%)
Positif	8 (72.73%)
Jumlah	11 (100%)

Jadual 4.9 Taburan Sampel Berdasarkan Sikap Terhadap Penutur Bahasa Sepanyol

SIKAP	KEKERAPAN
Negatif	0 (0%)
Sederhana	8 (72.73%)
Positif	3 (27.27%)
Jumlah	11 (100%)

Berdasarkan jadual 4.8 tersebut, dapat diperhatikan bahawa 8 orang pelajar iaitu sebanyak 72.73% termasuk dalam kumpulan mereka yang bersikap positif terhadap bahasa Sepanyol. Manakala kumpulan pelajar yang

bersikap sederhana terhadap bahasa Sepanyol pula terdiri daripada 3 orang iaitu sebanyak 27.27% dan tiada seorang pun pelajar iaitu sebanyak 0% yang tergolong dalam kumpulan mereka yang bersikap negatif terhadap bahasa Sepanyol.

Berdasarkan jadual 4.9 pula, dapat dilihat bahawa 3 orang pelajar iaitu sebanyak 27.27% tergolong dalam kumpulan mereka yang bersikap positif terhadap penutur bahasa Sepanyol. Manakala kumpulan pelajar yang bersikap sederhana terhadap penutur bahasa Sepanyol pula terdiri daripada 8 orang iaitu sebanyak 72.73% dan tiada seorang pelajar pun iaitu sebanyak 0% tergolong dalam kumpulan mereka yang bersikap negatif terhadap penutur bahasa Sepanyol. Jelas, bahawa pelajar-pelajar yang diuji langsung tidak bersikap negatif samada terhadap penutur maupun terhadap bahasa Sepanyol itu sendiri.

Sikap terhadap bahasa Sepanyol diukur melalui 5 aspek (item 1-5) iaitu dari segi kebolehan berbahasa Sepanyol yang dianggap bijak dalam pengajian, keperluan menguasainya oleh para menteri dan ahli parlimen, keinginan untuk berbahasa Sepanyol dengan fasih, kaitan mempelajari bahasa Sepanyol dengan agama Islam dan kaitannya dengan penjajah.

Sikap terhadap penutur bahasa Sepanyol pula diukur melalui 5 aspek yang lain (item 6-10) iaitu dari segi sumbangan yang telah diberikan oleh

orang-orang yang berbahasa Sepanyol terhadap perkembangan Malaysia, usaha bertemu dengan lebih ramai lagi orang yang berbahasa Sepanyol, anggapan terhadap orang-orang yang berbahasa Sepanyol sebagai lebih boleh diharap dan lebih berbudi bahasa, anggapan bahawa orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih bermurah hati dan melayani orang asing dengan baik dan kerugian jika Malaysia kehilangan pengaruh orang-orang yang berbahasa Sepanyol.

Keputusan secara terperinci sampel untuk aspek sikap tehadap bahasa Sepanyol dan penuturnya dikemukakan dalam jadual 4.10 seperti di bawah;

Jadual 4.10: Peratus Kekerapan Sikap Terhadap Bahasa Sepanyol

Kenyataan	Sangat bersetuju	Bersetuju	Tidak pasti	Tidak bersetuju	Sangat tidak bersetuju
1. Orang Melayu yang boleh berbahasa Sepanyol lebih bijak dalam pengajian mereka daripada mereka yang tidak boleh.	(2) 18.18%	(6) 54.54%	(1) 9.10%	(1) 9.10%	(0) 0%
2. Adalah mustahak bagi para menteri dan ahli parlimen kita boleh berbahasa Sepanyol.	(0) 0%	(4) 36.36%	(4) 36.36%	(3) 27.27%	(0) 0%
3. Apabila saya mendengar seseorang berbahasa Sepanyol dengan fasih, saya berharap saya juga boleh berbuat demikian.	(10) 90.90%	(1) 9.10%	(0) 0%	(0) 0%	(0) 0%

4. Orang Melayu tidak sepatutnya belajar bahasa Sepanyol sebab ia tiada kena mengena dengan agama Islam	(0) 0%	(1) 9.10%	(0) 0%	(5) 54.45%	(5) 54.45%
5. Bahasa Sepanyol tidak patut diajar di universiti sebab bahasa tersebut bahasa penjajah.	(0) 0%	(1) 9.10%	(0) 0%	(5) 54.45%	(5) 54.45%
6.Orang-orang yang berbahasa Sepanyol telah memberi sumbangan terhadap perkembangan Malaysia.	(2) 18.18%	(5) 54.45%	(4) 36.36%	(0) 0%	(0) 0%
7. Orang-orang Melayu haruslah menguatkan usaha untuk bertemu dengan lebih banyak lagi orang yang berbahasa Sepanyol	(2) 18.18%	(9) 81.82%	(0) 0%	(0) 0%	(0) 0%
8. Orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih boleh diharapkan dan lebih berbudi bahasa daripada mereka yang tidak boleh.	(0) 0%	(0) 0%	(8) 72.72%	(0) 0%	(1) 9.10%
9. Orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih bermurah hati dan lebih suka melayani orang asing dengan baik.	(0) 0%	(2) 18.18%	(5) 54.45%	(3) 27.27%	(1) 9.10
10. Sekiranya Malaysia kehilangan pengaruh orang-orang yang berbahasa Sepanyol, itu merupakan kerugian yang amat besar.	(1) 9.10	(6) 54.55	(1) 9.10	(3) 27.27%	(0) 0%

Nota: Angka dalam kurungan () ialah kekerapan. Angka tanpa kurungan ialah peratus.

Dari jadual 4.10 di atas, dapat dibuat beberapa rumusan tentang sikap pelajar-pelajar Melayu terhadap bahasa Sepanyol. Kebanyakan sampel bersetuju tentang perkara-perkara di bawah ini:

1. Orang Melayu yang boleh berbahasa Sepanyol lebih bijak dalam pengajian mereka daripada mereka yang tidak boleh. (18.18% sangat bersetuju dan 54.54% bersetuju)
2. Apabila saya mendengar seseorang berbahasa Sepanyol dengan fasih, saya berharap saya juga boleh berbuat demikian. (90.90% sangat bersetuju dan 9.10% bersetuju)
3. Orang-orang yang berbahasa Sepanyol telah memberi sumbangan terhadap perkembangan Malaysia. (18.18% sangat bersetuju dan 54.54% bersetuju)
4. Orang-orang Melayu haruslah menguatkan usaha untuk bertemu dengan lebih banyak lagi orang yang berbahasa Sepanyol. (18.18% sangat bersetuju dan 81.82% bersetuju)
5. Sekiranya Malaysia kehilangan pengaruh orang-orang yang berbahasa Sepanyol, itu merupakan kerugian yang amat besar. (9.10% sangat bersetuju dan 54.55% bersetuju)

Kebanyakan sampel pula tidak bersetuju dengan kenyataan-kenyataan ini:

1. Orang Melayu tidak sepatutnya mempelajari bahasa Sepanyol sebab ia tiada kena mengena dengan agama Islam. (54.54% sangat tidak bersetuju dan 54.54% tidak bersetuju)
2. Bahasa Sepanyol tidak patut diajar di universiti sebab bahasa tersebut bahasa penjajah. (54.54% sangat tidak bersetuju dan 54.54% tidak bersetuju)

Kebanyakan sampel juga menunjukkan sikap mereka yang tidak pasti terhadap tiga kenyataan ini:

1. Adalah mustahak bagi para menteri dan ahli parlimen kita boleh berbahasa Sepanyol. (36.36% tidak pasti)
2. Orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih boleh diharapkan dan lebih berbudi bahasa daripada mereka yang tidak boleh. (72.72% tidak pasti)
3. Orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih bermurah hati dan lebih suka melayani orang asing dengan baik. (54.54% tidak pasti)

Dari tindakbalas murid terhadap butiran sikap terhadap bahasa Sepanyol didapati bahawa pelajar langsung tidak bersikap negatif terhadap bahasa tersebut dalam apa jua perkara. Pelajar bersikap positif dalam hal-hal seperti keperluan untuk menguasai bahasa Sepanyol dengan baik dan fasih supaya mereka terampil bijak dan memberi sumbangan terhadap

perkembangan Malaysia. Ketidakpastian sampel telah ditunjukkan dalam soal adakah penting bahasa Sepanyol dikuasai oleh para menteri kita, samada orang-orang yang boleh berbahasa Sepanyol lebih boleh diharapkan dan lebih berbudi bahasa daripada mereka yang tidak boleh, dan tentang samada orang-orang yang berbahasa Sepanyol lebih bermurah hati dan lebih suka melayani orang asing dengan baik.

4.3.2 Motivasi

Dua pembolehubah motivasi yang diberi tumpuan ialah:

- i. motivasi instrumental
- ii. motivasi integratif

Jadual 4.11 di sebelah menunjukkan bahawa motivasi instrumental di kalangan pelajar adalah sederhana. Manakala Jadual 4.12 menunjukkan bahawa motivasi integratif di kalangan pelajar adalah sangat kuat.

Jadual 4.11 Taburan Sampel Berdasarkan Motivasi Instrumental

MOTIVASI INSTRUMENTAL	KEKERAPAN
Lemah	0 (0%)
Sederhana	9 (81.82%)
Kuat	2 (18.18%)
Jumlah	11 (100%)

Jadual 4.12 Taburan Sampel Berdasarkan Motivasi Integratif

MOTIVASI INTEGRATIF	KEKERAPAN
Lemah	1 (9.09%)
Sederhana	1 (9.09%)
Kuat	9 (81.82%)
Jumlah	11 (100%)

Dari jadual 4.11 di atas, seperti yang diperhatikan bahawa dalam skala ketinggian motivasi instrumental terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, tiada seorang pun yang termasuk dalam kumpulan mereka yang lemah motivasinya, manakala dari jadual 4.12, dapat diperhatikan bahawa dalam skala ketinggian motivasi integratif terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, seorang iaitu sebanyak 9.09% telah tergolong dalam kumpulan mereka yang rendah motivasinya. Dari jadual 4.11 juga dapat diperhatikan bahawa 9 orang iaitu sebanyak 81.82% digolongkan dalam kumpulan mereka yang bermotivasi sederhana terhadap bahasa Sepanyol, dan 2 orang (18.18%) digolongkan dalam kumpulan mereka yang kuat motivasi terhadap bahasa Sepanyol.

Bagi skala motivasi integratif pula, didapati seorang iaitu sebanyak 9.09% digolongkan dalam kumpulan mereka yang sederhana motivasinya

terhadap bahasa Sepanyol, dan 9 orang iaitu sebanyak 81.82% digolongkan dalam kumpulan mereka yang bermotivasi kuat terhadap bahasa Sepanyol.

Motivasi instrumental terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol diukur melalui 4 aspek (item 1-4) iaitu dari segi keperluan bahasa Sepanyol untuk melanjutkan pelajaran, bahasa Sepanyol perlu untuk mendapat pengakuan masyarakat, keperluan mempelajari bahasa Sepanyol untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan bahasa Sepanyol perlu untuk menjadi orang yang terpelajar.

Manakala motivasi integratif terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol pula diukur dari 3 aspek (item 5-7) iaitu dari segi keperluan bahasa Sepanyol untuk melawat negara Sepanyol dan bersahabat dengan orang-orang di sana, keperluan bahasa Sepanyol untuk bersahabat dengan penutur-penutur bahasanya dan bahasa Sepanyol perlu untuk memahami bangsa dan budaya Sepanyol. Keputusan penuh sampel untuk aspek 1 hingga 7 ditunjukkan dalam jadual 4.13 seperti di sebelah;

Jadual 4.13 Motivasi Terhadap Bahasa Sepanyol

Kenyataan	Darjah Ketinggian Motivasi				
	1	2	3	4	5
1. Pengetahuan bahasa Sepanyol sangat perlu untuk melanjutkan pelajaran.	(0) 0%	(1) 9.10%	(2) 18.18%	(6) 54.54%	(2) 18.18%
2. Seseorang itu perlu mempunyai pengetahuan bahasa Sepanyol yang baik untuk mendapat pengakuan masyarakat	(1) 9.10%	(6) 54.54%	(3) 27.27%	(1) 9.10%	(0) 0%
3. Saya mempelajari bahasa Sepanyol sebab mungkin pada suatu hari nanti bahasa itu perlu untuk mendapat pekerjaan yang baik	(0) 0%	(1) 9.10%	(0) 0%	(6) 54.54%	(3) 27.27%
4. Saya rasa tiada seorang pun yang benar-benar terpelajar kecuali ia fasih dalam bahasa Sepanyol.	(5) 45.45%	(2) 18.18%	(1) 9.10%	(2) 18.18%	(1) 9.10%
5. Saya mempelajari bahasa Sepanyol supaya pada suatu hari nanti saya akan dapat melawat negara yang berbahasa Sepanyol dan bersahabat dengan orang-orang di sana.	(1) 9.10%	(0) 0%	(1) 9.10%	(4) 36.36%	(5) 45.45%
6. Mengetahui bahasa Sepanyol menyenangkan saya untuk mendapat sahabat baik di kalangan orang yang berbahasa Sepanyol.	(1) 9.10%	(0) 0%	(3) 27.27%	(4) 36.36%	(3) 27.27%
7. Bahasa Sepanyol boleh membantu saya untuk memahami orang-orang yang berbahasa Sepanyol dan cara hidup mereka dengan lebih baik.	(1) 9.10%	(0) 0%	(0) 0%	(8) 72.72%	(2) 18.18%

Nota: Angka dalam kurungan () ialah kekerapan. Angka tanpa kurungan ialah peratus.

Dari jadual 4.13, didapati bahawa aspek motivasi yang paling tinggi ialah tentang ‘bahasa Sepanyol boleh membantu memahami orang-orang yang berbahasa Sepanyol dan cara hidup mereka dengan lebih baik’. Dalam hal ini 72.72% sampel menyatakan begitu membantu dan 18.18% menyatakan sesungguhnya begitu membantu.

Aspek yang kedua tertinggi ialah tentang ‘perlunya mempelajari bahasa Sepanyol supaya pada suatu hari nanti dapat melawat negara yang berbahasa Sepanyol dan bersahabat dengan orang-orang di sana’. Untuk ini 45.45% sampel menyatakan sesungguhnya begitu perlu dan 36.36% menyatakan begitu perlu.

Aspek yang ketiga tertinggi pula ialah tentang ‘keperluan mempelajari bahasa Sepanyol untuk mendapat pekerjaan yang baik’. Dalam soal ini 54.54% sampel menyatakan begitu perlu dan 27.27% menyatakan sesungguhnya begitu perlu menguasai bahasa Sepanyol untuk mendapat pekerjaan yang baik.

Manakala aspek yang keempat tertinggi ialah tentang ‘pengetahuan bahasa Sepanyol sangat perlu untuk melanjutkan pelajaran’, di mana

54.54% sampel menyatakan begitu perlu dan 18.18% menyatakan sesungguhnya begitu perlu.

Aspek motivasi yang paling rendah pula ialah dalam hal keperluan mengetahui bahasa Sepanyol untuk mendapat pengakuan masyarakat. Dalam hal ini tiada sampel atau 0% menyatakan sesungguhnya begitu perlu diketahui dan hanya 9.10% menyatakan begitu perlu.

Aspek yang kedua rendahnya ialah dari segi keperluan untuk fasih dalam bahasa Sepanyol bagi menjadi seorang yang terpelajar. Untuk ini hanya 9.10% sampel menyatakan sesungguhnya begitu perlu fasih dan 18.18% menyatakan begitu perlu fasih.

Aspek yang ketiga rendahnya pula ialah tentang keperluan untuk mengetahui bahasa Sepanyol bagi mendapat sahabat yang baik di kalangan orang yang berbahasa Sepanyol. Dalam hal ini 36.36% sampel menyatakan begitu perlu mengetahui dan 27.27% menyatakan sesungguhnya begitu perlu mengetahui.

Dari kekerapan sambutan yang diperolehi ke atas keenam-enam aspek motivasi terhadap bahasa Sepanyol ini dapat disimpulkan bahawa sampel mempunyai motivasi yang tinggi dalam aspek-aspek motivasi integratif seperti keinginan untuk mempelajari bahasa Sepanyol supaya

dapat melawat dan bersahabat dengan orang-orang dari negara berbahasa Sepanyol dan keinginan untuk mempelajari bahasa Sepanyol agar dapat memahami orang-orang yang berbahasa Sepanyol dan cara hidup mereka dengan lebih baik. Tetapi, mereka mempunyai motivasi yang sederhana dalam hal-hal berkaitan motivasi instrumental seperti keperluan bahasa Sepanyol untuk melanjutkan pelajaran, mendapat pengakuan masyarakat, mendapat pekerjaan yang baik dan menjadi terpelajar.

4.3.3 Masalah

Pada keseluruhannya, angka-angka yang terdapat dalam jadual 4.14 menunjukkan bahawa pelajar tidak menghadapi terlalu banyak masalah dalam mempelajari bahasa Sepanyol.

Jadual 4.14 Taburan Sampel Berdasarkan Masalah dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol

MASALAH	KEKERAPAN
Kecil	0 (0%)
Sederhana	11 (100%)
Besar	0 (0%)
Jumlah	11 (100%)

Jadual 4.14 di atas menunjukkan bahawa kesemua sampel yang diuji iaitu 11 orang pelajar termasuk dalam kumpulan mereka yang mempunyai masalah yang sederhana sahaja dalam pembelajaran bahasa Sepanyol.

Masalah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol diukur melalui 8 aspek iaitu dari segi kesesuaian bahan pengajaran dengan kehendak kursus, samada nota dan rujukan untuk pembelajaran bahasa Sepanyol mencukupi, kesesuaian dan daya penarik alat bantu mengajar yang digunakan, ketepatan guru datang mengajar, daya kreatif guru dalam mempersempit pengajaran, masalah perbezaan antara bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu, masalah penyalinan nota dan masalah cara mana nota dihafal samada dihafal dalam bahasa Sepanyol atau bahasa Melayu.

Keputusan penuh sampel untuk aspek masalah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol diperlihatkan dalam jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 Masalah dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Kenyataan	Sangat bersetuju	Bersetuju	Tidak pasti	Tidak bersetuju	Sangat tidak bersetuju
1.Bahan pengajaran bahasa Sepanyol bersesuaian dan menepati kehendak kursus	(1) 9.10%	(6) 54.54%	(4) 36.36%	(0) 0%	(0) 0%
2.Nota dan rujukan untuk pembelajaran bahasa Sepanyol mencukupi	(1) 9.10%	(3) 27.27%	(5) 45.45%	(2) 18.18%	(0) 0%

3. Alat bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran bahasa Sepanyol menarik dan sesuai.	(0) 0%	(8) 72.72%	(2) 18.18%	(1) 9.10%	(0) 0%
4.Guru yang mengajar bahasa Sepanyol datang tepat pada waktu.	(0) 0%	(1) 9.10%	(4) 36.36%	(5) 45.45%	(1) 9.10%
5.Guru yang mengajar bahasa Sepanyol kreatif dalam mempersempitkan pengajaran	(0) 0%	(9) 81.82%	(0) 0%	(2) 18.18%	(0) 0%
6.Bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu mempunyai banyak persamaan.	(1) 9.10%	(2) 18.18%	(2) 18.18%	(5) 45.45%	(1) 9.10%
7.Saya menyalin nota bahasa Sepanyol dalam bahasa Melayu.	(0) 0%	(0) 0%	(0) 0%	(6) 54.54%	(5) 45.45%
8.Saya menghafal nota bahasa Sepanyol dalam bahasa Melayu	(0) 0%	(0) 0%	(0) 0%	(7) 63.64%	(4) 36.36%

Nota: Angka dalam kurungan () ialah kekerapan. Angka tanpa kurungan ialah peratus.

Dari jadual 4.15 dapat dibuat beberapa rumusan tentang masalah pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Kebanyakannya sampai bersetuju tentang perkara-perkara di bawah ini:

1. Bahan pengajaran bahasa Sepanyol bersetujuan dan menepati kehendak kursus. (9.10% sangat bersetuju dan 54.54% bersetuju)
2. Alat bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran bahasa Sepanyol menarik dan sesuai. (tiada atau 0% sangat bersetuju dan 72.72% bersetuju)
3. Guru yang mengajar bahasa Sepanyol kreatif dalam mempersembahkan pengajaran. (tiada atau 0% sangat bersetuju dan 81.82% bersetuju)

Kebanyakan sampel pula tidak bersetuju dengan kenyataan-kenyataan ini:

1. Guru yang mengajar bahasa Sepanyol datang tepat pada waktu. (9.10% sangat tidak bersetuju dan 45.45% tidak bersetuju)
2. Bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu mempunyai banyak persamaan. (9.10% sangat tidak bersetuju dan 45.45% tidak bersetuju)
3. Saya menyalin nota bahasa Sepanyol dalam bahasa Melayu. (45.45% sangat tidak bersetuju dan 54.54% tidak bersetuju)
4. Saya menghafal nota bahasa Sepanyol dalam bahasa Melayu. (36.36% sangat tidak bersetuju dan 63.64% tidak bersetuju)

Sebahagian sampel juga menunjukkan sikap mereka yang tidak pasti terhadap kenyataan ini :

1. Nota dan rujukan untuk pembelajaran bahasa Sepanyol mencukupi.
(45.45% tidak pasti)

Dari tindakbalas pelajar terhadap butiran masalah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol diketahui bahawa pelajar-pelajar mempunyai masalah dari segi ketepatan waktu guru datang mengajar. Dalam hal ini kebanyakannya pelajar menyatakan sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju apabila diberi kenyataan bahawa guru yang mengajar bahasa Sepanyol datang tepat pada waktu.

Pelajar-pelajar didapati tidak mempunyai masalah dalam hal-hal seperti kesesuaian bahan pengajaran bahasa Sepanyol dan ketepatannya dengan kehendak kursus, kesesuaian alat bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran bahasa Sepanyol, dan daya kreatif guru yang mengajar bahasa Sepanyol.

Ketidakpastian sampel telah ditunjukkan dalam masalah berkaitan nota dan rujukan di mana mereka tidak pasti samada ianya mencukupi ataupun tidak.

4.3.4 Strategi

Jadual 4.16 menunjukkan bahawa para pelajar pada keseluruhannya telah menggunakan strategi yang mantap untuk belajar bahasa Sepanyol.

Jadual 4.16 Taburan Sampel Berdasarkan Strategi dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol

STRATEGI	KEKERAPAN
Pincang	0 (0%)
Sederhana	3 (27%)
Mantap	8 (73%)
Jumlah	11 (100%)

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa 8 orang pelajar iaitu sebanyak 73% termasuk dalam kumpulan mereka yang menggunakan strategi yang mantap untuk belajar bahasa Sepanyol manakala 3 orang pelajar iaitu sebanyak 27% tergolong dalam kumpulan mereka yang menggunakan strategi yang sederhana.

Strategi pembelajaran bahasa Sepanyol diukur melalui 15 aspek iaitu dari segi komitmen terhadap kerja rumah, penglibatan di dalam kelas, membaca akhbar dan majalah, kekerapan bertanya sesuatu yang tidak

difahami, persediaan sebelum kelas, hafalan, belajar di rumah, mempraktikkan apa yang dipelajari, membuat rujukan di perpustakaan, usaha meningkatkan keyakinan diri, bercakap dengan penutur natif, melayari internet, menonton program-program bahasa Sepanyol di tv, membuat latihan dan kesungguhan belajar.

Jadual 4.17 Strategi Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Kenyataan	Darjah Kemantapan Strategi			
	1	2	3	4
1.Komitmen terhadap kerja rumah.	(0) 0%	(0) 0%	(2) 18.18%	(9) 81.82%
2.Keterlibatan di dalam kelas	(0) 0%	(0) 0%	(2) 18.18%	(9) 81.82%
3.Membaca akhbar dan majalah bahasa Sepanyol.	(0) 0%	(4) 36.36%	(2) 18.18%	(5) 45.45%
4.Kekerapan bertanya sesuatu yang tidak difahami	(1) 9.10%	(5) 45.45%	(3) 27.27%	(2) 18.18%
5.Persediaan sebelum kelas.	(0) 0%	(1) 9.10%	(3) 27.27%	(7) 63.64%
6.Hafalan.	(0) 0%	(1) 9.10%	(10) 90.90%	-
7.Belajar di rumah.	(0) 0%	(2) 18.18%	(9) 81.82%	-
8.Mempraktikkan apa yang dipelajari.	(0) 0%	(6) 54.54%	(5) 45.45%	-

9.Membuat rujukan di perpustakaan	(0) 0%	(0) 0%	(5) 45.45%	(6) 54.54%
10.Meningkatkan keyakinan diri.	(0) 0%	(11) 100%	(0) 0%	-
11.Cuba bercakap dengan penutur natif.	(0) 0%	(0) 0%	(3) 27.27%	-
12. Internet	(0) 0%	(0) 0%	(3) 27.27%	(8) 72.72%
13.Menonton program bahasa Sepanyol di tv	(0) 0%	(0) 0%	(2) 18.18%	(9) 81.82%
14.Membuat latihan.	(0) 0%	(0) 0%	(1) 9.10%	(10) 90.90%
15.Kesungguhan belajar	(1) 9.10%	(1) 9.10%	(9) 81.82%	-

Nota: Angka dalam kurungan () ialah kekerapan. Angka tanpa kurungan ialah peratus.

Dari jadual 4.17 didapati bahawa strategi yang paling banyak digunakan untuk menguasai bahasa Sepanyol ialah belajar dan berlatih dengan kawan-kawan di mana 100% sampel menyatakan bahawa mereka belajar dan berlatih dengan kawan-kawan untuk meningkatkan keyakinan diri dan kefahaman berhubung bahasa Sepanyol.

Strategi yang kedua banyaknya ialah membuat sebanyak mungkin latihan dan menghafal. Dalam hal ini 90.90% sampel menyatakan bahawa mereka membuat sebanyak mungkin latihan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Sepanyol dan 9.10% menyatakan mereka membuat latihan sekali-sekala. Di samping itu sebanyak 90.90% sampel menyatakan bahawa mereka menghafal apa yang dipelajari di dalam kelas seberapa kerap yang mungkin dan 9.10% menyatakan bahawa mereka menghafal sekali-sekala.

Strategi yang ketiga paling banyak digunakan ialah komited terhadap kerja rumah di mana 81.82% sampel menyatakan bahawa mereka membuat kerja rumah bahasa Sepanyol dengan segera dan 18.18% menangguhkan kerja sementara membuat kerja rumah yang lain, penglibatan di dalam kelas di mana 81.82% sampel menyatakan bahawa mereka melibatkan diri sepenuhnya dan 18.18% menyatakan bahawa mereka memaksa diri untuk memberi perhatian pada pelajaran, menonton program-program bahasa Sepanyol di tv di mana 81.82% sampel menyatakan bahawa mereka tidak pernah ketinggalan menonton cerita-cerita bahasa Sepanyol di tv dan 18.18% menyatakan bahawa mereka menonton sekali-sekala, belajar di rumah di mana 81.82% sampel menyatakan bahawa mereka belajar sebanyak 4 jam atau lebih seminggu di rumah dan 18.18% belajar lebih dari 1 jam tapi kurang dari 4 jam seminggu, bersungguh belajar di mana 81.82%

sampel bersungguh belajar bahasa Sepanyol dan 9.10% menyatakan bahawa mereka berusaha setakat cukup sahaja.

Strategi yang keempat paling banyak digunakan ialah cuba bercakap dengan penutur natif bahasa Sepanyol di mana 72.72% sampel menyatakan bahawa jika mereka berpeluang mereka akan berusaha bercakap dengan penutur natif bahasa Sepanyol sebanyak mungkin dan 27.27% menyatakan bahawa mereka bercakap dengan penutur natif bahasa Sepanyol sekali-sekala. Pelajar juga melayari internet di mana 72.72% sampel menyatakan bahawa untuk memperkayakan pengetahuan bahasa Sepanyol mereka akan senantiasa melayari internet dan mengunjungi laman web bahasa Sepanyol dan 27.27% menyatakan bahawa mereka melayari internet sekali-sekala.

Strategi yang kelima paling banyak digunakan ialah membuat persediaan sebelum kelas bermula. Dalam hal ini 45.45% sampel menyatakan bahawa mereka senantiasa bersedia dengan menyelesaikan kerja rumah atau membaca perkara-perkara yang akan dipelajari sebelum kelas dan 27.27% menyatakan bahawa mereka kadangkala bersedia.

Strategi yang paling sedikit digunakan pula ialah bertanya dan berjumpa guru jika ada sesuatu yang tidak difahami tentang bahasa Sepanyol. Untuk ini 45.45% sampel menyatakan bahawa mereka barangkali

tidak berapa kerap bertanya dan 9.10% menyatakan bahawa mereka tidak bertanya langsung.

Strategi yang kedua paling sedikit digunakan ialah membaca surat khabar dan majalah berbahasa Sepanyol di mana 45.45% sampel menyatakan bahawa mereka membaca surat khabar dan majalah berbahasa Sepanyol seberapa kerap yang mungkin dan 18.18% menyatakan bahawa mereka agak kerap membaca surat khabar dan majalah berbahasa Sepanyol. Di samping itu, mempraktikkan apa yang dipelajari juga menjadi strategi yang kedua paling sedikit di mana 45.45% sampel menyatakan bahawa mereka cuba menggunakan bahasa Sepanyol sebanyak mungkin selepas menamatkan kelas pada hari itu dan 54.54% menyatakan bahawa mereka terus memperbaiki penguasaan bahasa Sepanyol misalnya berlatih bertutur setiap hari, belajar di kelas tambahan dan sebagainya.

Strategi yang ketiga paling sedikit digunakan ialah membuat rujukan di perpustakaan. Untuk ini 54.54% sampel menyatakan bahawa mereka senantiasa membuat rujukan di perpustakaan untuk menambah pengetahuan tentang bahasa Sepanyol dan 45.45% menyatakan bahawa mereka kadangkala mengunjungi perpustakaan.

Berdasarkan tindakbalas yang diperolehi ke atas kelima belas-kelima belas strategi dalam pembelajaran bahasa Sepanyol itu dapat dirumuskan

bahawa sampel telah belajar bersungguh-sungguh dan telah menggunakan pelbagai strategi yang mantap untuk mempelajari dan menguasai bahasa Sepanyol.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis data dan dapatan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa pelajar paling banyak melakukan kesalahan dalam kategori padanan, diikuti oleh kategori pengguguran, posisi, susunan dan penambahan.

Analisis terhadap soal selidik pula menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang dikaji bersikap positif terhadap bahasa Sepanyol tetapi menunjukkan sikap yang sederhana terhadap penuturnya, mempunyai motivasi integratif yang kuat untuk mempelajari bahasa Sepanyol, tetapi motivasi instrumental mereka adalah sederhana, mempunyai masalah yang sederhana sahaja dalam pembelajaran, dan kebanyakan daripada pelajar telah menggunakan strategi pembelajaran yang mantap.

Selanjutnya, dalam bab yang kelima, dapatan tersebut akan dibincangkan, dan penyelidik juga akan mengemukakan cadangan dan membuat kesimpulan berkenaan dengan hasil kajian secara keseluruhan.